

02 OCT 2000

TIMBALAN YANG DI-PERTUAN AGONG LAWAT PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 2 Okt (Bernama) -- Timbalan Yang di-Pertuan Agong Sultan Mizan Zainal Abidin dan Permaisuri Nur Zahirah hari ini melakukan lawatan kerja ke Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Seri Paduka berdua memulakan lawatan dengan menghadiri taklimat pembangunan Putrajaya di Pejabat Perbadanan Putrajaya.

Ketibaan pasangan diraja itu disambut oleh Pengerusi Putra Holdings Tan Sri Azizan Zainul Abidin.

Taklimat disampaikan oleh Pengarah Pembangunan Bandar, Perbadanan Putrajaya Datuk Mohd Othman Zainal Azim.

Selepas taklimat itu rombongan diraja melawat pejabat Perdana Menteri. Seri Paduka berdua disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Dr Mahathir membawa rombongan itu melawat bangunan pejabat Perdana Menteri sebelum berangkat ke Masjid Putra yang terletak berhampiran.

Sultan Mizan dan Permaisuri Nur Hazirah kemudiannya menaiki bas VIP untuk melawat Taman Wetland sebelum meninjau pembangunan di sekitar Putrajaya, antara lainnya kawasan Depoh Polis Marin, Sekolah Bestari, Balai Bomba dan Penyelamat, Klinik Kerajaan Putrajaya dan kawasan perumahan.

Seri Paduka mengakhiri lawatan dengan santapan tengah hari bersama Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah di Sri Perdana.

-- BERNAMA

AR RZS ZS NMO